



FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH

Ruj kami : KUIS/FPM/DEC/600-14/I (Latihan Industri) – SESI II 2020/2021
Tarikh : 10 NOVEMBER 2020

KEPADA PENYELIA ORGANISASI YANG BERKAITAN

Assalamualaikum wrt. wbt.

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENANGGUHAN LATIHAN INDUSTRI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI PELAJAR FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH, KUIS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Merujuk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang diumumkan oleh kerajaan bagi negeri Sabah dan semua negeri di Semenanjung kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan berkuatkuasa 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020, pihak Fakulti telah menetapkan bahawa pelaksanaan latihan industri akan diteruskan pada tarikh yang ditetapkan sekiranya pihak organisasi bersetuju dan bersedia membenarkan pelajar memulakan latihan industri dalam tempoh tersebut. Pihak organisasi diberikan kemudahan dan budi bicara dalam menentukan kaedah latihan industri yang bersesuaian sama ada secara bekerja di pejabat atau bekerja dari rumah.

Sekiranya pihak organisasi mengkehendaki pelajar menjalani latihan industri secara bekerja di pejabat, pelajar adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh organisasi masing-masing bagi memastikan perintah kawalan pergerakan ini dipatuhi. Sekiranya organisasi mengkehendaki pelajar menjalani latihan industri dengan bekerja dari rumah, pelajar juga adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak organisasi sendiri. Pihak kami akan memaklumkan berkenaan kaedah penilaian latihan industri bagi pelajar yang menjalani latihan industri secara bekerja dari rumah dalam masa terdekat setelah mendapat kelulusan pihak Fakulti dan KUIS.

Sebagaimana pemakluman terdahulu, berikut adalah tarikh pelaksanaan latihan industri mengikut program.

PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI
Diploma Perakaunan	16 November 2020 – 19 Februari 2021 (3 Bulan)
Diploma Pengurusan Perniagaan	
Diploma Perbankan Islam	
Diploma Pengurusan Sumber Manusia	
Diploma Komunikasi	
Diploma Pengajian Bahasa Inggeris	
Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) (Kepujian)	

PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI
Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan E-Dagang (Kepujian)	16 November 2020 – 19 Mac 2021 (4 Bulan)
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Insan (Kepujian)	
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Dan Kewangan (Kepujian)	
Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Perbankan) (Kepujian)	
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)	16 November 2020 – 14 Mei 2021 (6 Bulan)

Walaupun bagaimanapun, sekiranya pihak Tuan/Puan tidak bersedia menerima pelajar untuk memulakan latihan industri pada 16 November 2020 disebabkan masalah tertentu yang dihadapi di pihak organisasi, mohon pihak Tuan/Puan memaklumkan tarikh cadangan baharu kepada pihak Fakulti secara bertulis.

Sekiranya pihak Tuan/Puan memerlukan sebarang maklumat lanjut, Tuan/Puan boleh menghubungi saya sebagaimana butiran di bawah. Segala kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan, kami dahului dengan *jazakallahu khairan kathira*.

Sekian, *wassalam*.

Saya yang menjalankan amanah.



HALAYANA BINTI TONOT

Ketua Jabatan Latihan Industri dan Jaringan Komuniti
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

☎ praktikal_fpm@kuis.edu.my || ☎ 03-8911 7000 ext. 2316 || ☎ 0162150464 || ☎ 03-8925 4472